

23/03/2002

ATM, Polis anjur konsert isi tabung

KUALA LUMPUR, Jumaat - Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan bergabung untuk mengadakan konsert khas bagi mencapai sasaran kutipan sebanyak RM10 juta untuk mengisi Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara, tahun ini.

Persembahan dua hari bermula 5 April ini yang akan berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil dijangka memperoleh sumbangan sebanyak RM3 juta untuk tabung itu.

Tabung yang mempunyai dana terkumpul sebanyak RM40 juta itu bertujuan menjaga kebajikan ahli keluarga dan anggota keselamatan serta pertahanan itu juga membabitkan Rela, Pertahanan Awam, Rukun Tetangga, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen dan Unit Pencegah Penyeludupan yang tercedera atau terkorban ketika menjalankan tugas.

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin, berkata idea supaya diadakan persembahan yang menggabungkan anggota pancaragam ATM dan PDRM disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha untuk mengisi tabung berkenaan.

"Berikutan itu, kerjasama kedua-dua pihak mencapai kata sepakat untuk mengadakan persembahan khas yang pertama kali diadakan itu, selain menjemput pasukan keselamatan dan pertahanan negara jiran.

"Selain pancaragam, persembahan membabitkan hampir 500 anggota keselamatan dan pertahanan dari negara ini, Singapura dan Brunei itu akan diselitkan dengan pertunjukan mini tatoo, kawad senyap dan jimnastik," katanya pada sidang akhbar di Wisma Pertahanan, di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari serta tiga penyanyi yang terbabit dalam persembahan itu, Tan Sri S M Salim, Siti Nurhaliza dan Intan Sarafina.

Di majlis itu juga, S M Salim dan Siti Nurhaliza masing-masing menyampaikan sumbangan berjumlah RM20,000, manakala Intan Sarafina menderma sebanyak RM10,000 untuk tabung itu.

Hari pertama persembahan itu akan dihadiri Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalulail serta Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid serta menteri Kabinet bagi menyokong usaha mengisi tabung itu.

Tiket untuk konsert itu dijual di Muzium ATM, Muzium PDRM, Pernama, Stadium Nasional Bukit Jalil dan Stesen Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) pada harga RM10 untuk dewasa dan RM5 bagi kanak-kanak.

(END)